PANDUAN EJEN KASTAM DI BAWAH SEKSYEN 90 AKTA KASTAM 1967

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Bahagian Perkastaman

Putrajaya

10 November 2026

Penerbitan

Tarikh: 10 November 2026

Notis Hakcipta

Hakcipta 2025 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hakcipta terpelihara, tertakluk kepada Akta Hakcipta 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbit semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Panduan ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang dasar kelulusan sebagai Ejen Kastam. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah berkaitan dengan kelulusan sebagai Ejen Kastam secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif bagi memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat daripada panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

1. **SIAPA ITU EJEN KASTAM DAN *DIRECT USER*?……..... 4**
2. **SIAPA YANG BOLEH MEMOHON? …….. 5**
3. **SYARAT-SYARAT KELULUSAN SEBAGAI EJEN KASTAM DAN *DIRECT USER* …… 6**
4. **BAGAIMANA HENDAK MEMOHON KELULUSAN BAHARU?……... 13**
5. **BAGAIMANA HENDAK MEMOHON KELULUSAN PEMBAHARUAN? 15**
6. **TEMPOH KELULUSAN …… 16**
7. **BAGAIMANA JIKA TERDAPAT PERUBAHAN MAKLUMAT SYARIKAT? …… 17**
8. **BAGAIMANA EJEN KASTAM BOLEH DILANTIK DARI PENGIMPORT / PENGEKSPORT / PENGILANG? ……..…… 19**
9. **PELANTIKAN SUB-EJEN ……...……...……...……...……... 20**
10. **PENAMBAHAN / PEMBATALAN KAKITANGAN SYARIKAT YANG BERURUSAN DENGAN JABATAN ..…….…… 21**
11. **PAS PENGENALAN EJEN KASTAM DAN *DIRECT USER* ...…… 23**
12. **PEMBATALAN / PENAMATAN KELULUSAN…….....……..……..... 24**
13. **TINDAKAN SALAH LAKU KE ATAS EJEN KASTAM DAN *DIRECT USER* ……..……... 25**
14. **KETEKUNAN SEWAJARNYA (*DUE DILIGENCE*) DAN ETIKA EJEN KASTAM……..…… 26**

1. SIAPA ITU EJEN KASTAM DAN *DIRECT USER*?

1.1. Di bawah peruntukan Seksyen 90 Akta Kastam 1967, pengimport, pengeksport atau pengilang boleh melantik Ejen Kastam untuk melakukan sebarang transaksi kastam bagi pihak mereka.

1.2. Ejen Kastam yang didaftarkan di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 adalah terdiri daripada:

i. Ejen Penghantaran (*Forwarding Agent*);

- Mana-mana orang yang diluluskan sebagai Ejen Kastam di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 untuk menguruskan pengikraran dan pelepasan dagangan daripada kawalan kastam.

ii. Ejen Perkapalan (*Shipping Agent*);

- Mana-mana orang yang diluluskan sebagai Ejen Kastam di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 untuk menguruskan perkara yang berhubung dengan kemasukan atau pelepasan vesel.

iii. Ejen Pengangkut Barang (*Freight Forwarder*); dan

- Mana-mana orang yang diluluskan sebagai Ejen Kastam di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 di dalam pengikraran manifes laut dan udara.

iv. *Direct User*.

- Merupakan kelulusan khusus di bawah Seksyen 90(7) Akta Kastam

1967 yang diberikan kepada pihak pengimport atau pengeksport untuk menguruskan transaksi kastam secara kendiri bagi pelepasan dagangan kepunyaan syarikat sendiri menggunakan penghantaran luar.

2. SIAPA YANG BOLEH MEMOHON?

2.1. Permohonan baharu adalah terbuka kepada semua syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (bagi Semenanjung Malaysia) / Pihak Berkuasa Tempatan (bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) dan syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016.

2.1.1. Permohonan Baharu sebagai Ejen Penghantaran

i. Permohonan baharu sebagai Ejen Penghantaran telah dibekukan oleh Jemaah Menteri berkuatkuasa pada 10 Oktober 2007 sehingga kini.

ii. Syarikat yang telah diberi kelulusan status Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Logistics Services,* IILS) oleh *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) adalah tidak tertakluk kepada dasar pembekuan ini dan dibenarkan untuk mengemukakan permohonan baharu sebagai Ejen Penghantaran.

2.1.2. Permohonan Baru sebagai Ejen Perkapalan, Ejen Pengangkut Barang atau *Direct User*

i. Permohonan baru sebagai Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang adalah masih dibuka. Sekiranya syarikat mempunyai kelulusan Ejen Perkapalan (kod S),

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

syarikat tidak perlu mendaftar sebagai Ejen Pengangkut Barang (kod Z).

ii. Bagi kelulusan *Direct User*, permohonan terbuka kepada pihak pengimport atau pengeksport yang mahu menguruskan pelepasan barang milik syarikat sendiri.

3. SYARAT – SYARAT KELULUSAN SEBAGAI EJEN KASTAM DAN *DIRECT USER*

3.1. Modal Berbayar

3.1.1. Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT):

a. Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar sekurang- kurangnya sebanyak RM 50,000.00.

3.1.2. Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016:

a. Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar sekurang- kurangnya sebanyak RM 100,000.00.

3.1.3. Pihak syarikat haruslah mengekalkan kecukupan modal berbayar sepanjang tempoh memegang lesen Ejen Kastam yang sah.

3.2. Menghadiri Kursus dan Lulus Peperiksaan Yang Ditetapkan Oleh Jabatan

3.1.1. Terdapat tiga (3) kursus berkenaan Ejen Kastam yang ditawarkan iaitu:

3.1.2.

i. Kursus Ejen Kastam (KEK) bagi Ejen Penghantaran;

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

ii. Kursus Ejen Perkapalan (KEP) bagi Ejen Perkapalan dan Ejen Pengangkut Barang; dan

iii. Kursus *Refresher* (RS) bagi ejen yang telah memiliki sijil KEK dan sijil KEP melebihi tempoh 5 tahun bagi tujuan pembaharuan lesen Ejen Kastam.

3.1.3. KEK, KEP dan RS adalah merupakan kursus anjuran Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) dan lain-lain badan atau pertubuhan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam.

3.1.4. KEK,KEP dan RS boleh disertai dengan menghubungi pihak AKMAL, UTeM, atau mana-mana persatuan Ejen Kastam yang berdaftar.

3.1.5. Tempoh sah laku sijil Kursus *Refresher* adalah selama 5 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan. Pemilik sijil perlu menghadiri Kursus *Refresher* semula setelah tamat tempoh 5 tahun tersebut.

3.1.6. Syarikat yang bertindak sebagai Ejen Kastam hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua orang wakil syarikat yang diwajibkan untuk menghadiri kursus dan lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Jabatan, iaitu:

i. Seorang ahli lembaga pengarah / pemilik / pengurus syarikat dan seorang kakitangan syarikat yang diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan; atau

ii. Dua orang ahli lembaga pengarah / pemilik / pengurus syarikat yang diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

3.1.7. Wakil syarikat yang telah menghadiri kursus serta lulus peperiksaan akan diberikan sijil kursus.

3.1.8. Semua kakitangan syarikat Ejen Kastam yang telah diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan, terutama yang mengikrar borang kastam adalah digalakkan untuk memiliki sijil kursus bagi tujuan kefahaman pematuhan ke atas perundangan dan prosedur perkastaman yang berkuatkuasa.

3.1.9. Mana-mana pemegang sijil kursus bagi syarikat Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang yang telah memiliki sijil Kursus Ejen Kastam (KEK) adalah dikecualikan daripada menghadiri kursus dan lulus peperiksaan Kursus Ejen Perkapalan (KEP).

3.1.10. Sekiranya terdapat perubahan atau peletakan jawatan ahli lembaga pengarah / pemilik / pengurus atau kakitangan syarikat yang merupakan pemegang sijil kursus, syarikat diberikan tempoh selama enam (6) bulan untuk mendapatkan pengganti.

3.1.11. Setiap Ejen Kastam wajib mempunyai dan melaksanakan polisi Anti-rasuah. Polisi ini adalah salah satu langkah strategik dalam mendokong agenda nasional bagi membanteras rasuah serta memperkasakan budaya integriti dalam kalangan Ejen Kastam.

3.2. Hadir dan Lulus Sesi Temuduga

3.2.1. Satu sesi temuduga akan dijalankan bagi setiap permohonan baharu sebagai Ejen Penghantaran atau Ejen Perkapalan untuk menilai pengalaman dan pengetahuan pemohon mengenai peraturan dan prosedur perkastaman.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia |

3.2.2. Sekurang-kurangnya dua orang wakil syarikat yang merupakan pemegang sjiil kursus adalah dikehendaki untuk hadir dan lulus sesi temuduga.

3.2.3. Permohonanan baharu sebagai Ejen Pengangkut Barang adalah tidak tertakluk kepada keperluan ini.

3.3. Syarat Penyertaan Bumiputera

3.3.1. Ejen Penghantaran Kastam hendaklah sentiasa memenuhi kehendak syarat penyertaan Bumiputera bagi setiap kriteria berikut:

i. Jumlah modal saham yang dimiliki oleh individu / syarikat Bumiputera;

ii. Bilangan ahli lembaga pengarah / pemilik syarikat;

iii. Bilangan kakitangan pengurusan; dan

iv. Bilangan kakitangan sokongan.

3.3.1.1. Ejen Penghantaran (bukan berstatus IILS)

i. Syarikat yang telah didaftarkan sebagai Ejen Penghantaran sebelum tahun 1976:

a. Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 40%.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

b. Syarikat diberikan tempoh sehingga 31 Disember 2027 untuk memenuhi syarat Penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan. Sekiranya gagal, kelulusan sebagai Ejen Penghantaran tidak akan diperbaharui.

c. Sebarang rayuan berkenaan pelanjutan tempoh boleh dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia.

ii. Syarikat yang telah didaftarkan sebagai Ejen Penghantaran di antara tahun 1976 sehingga tahun 1990:

a. Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 30%.

iii. Syarikat yang telah didaftarkan sebagai Ejen Penghantaran selepas tahun 1990:

a. Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 40%.

3.3.1.2. Ejen Penghantaran (berstatus IILS)

i. Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 40%.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

ii. Syarikat diberikan tempoh sehingga 31 Disember 2027 untuk memenuhi syarat Penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan. Sekiranya gagal, kelulusan sebagai Ejen Penghantaran tidak akan diperbaharui.

iii. Sebarang rayuan berkenaan pelanjutan tempoh boleh dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia.

3.3.1.3. Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang

i. Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang adalah tidak tertakluk kepada syarat penyertaan Bumiputera.

ii. Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang yang juga telah didaftarkan sebagai Ejen Penghantaran adalah tidak termasuk di dalam pengecualian ini dan dikehendaki untuk mematuhi kesemua syarat penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan.

3.3.1.4. Pengecualian ke atas syarat penyertaan Bumiputera ini juga diberikan kepada:

i. Syarikat dimana ahli lembaga pengarah dan pemegang saham majoritinya (>51%) adalah terdiri daripada pemilikan asing yang telah mendapat kelulusan status IILS daripada MIDA; atau

ii. Ejen Penghantaran yang merupakan syarikat awam yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia. Ejen Penghantaran yang merupakan anak syarikat kepada syarikat awam yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia adalah tidak termasuk di dalam pengecualian ini dan dikehendaki untuk mematuhi syarat penyertaan Bumiputera;dan

iii. Ejen yang berdaftar sebagai Ejen Perkapalan, Ejen Pengangkut Barang dan *Direct User* adalah tidak tertakluk kepada syarat penyertaan bumiputera. Sekiranya Ejen Perkapalan dan Ejen Pengangkut Barang telah memiliki kelulusan sebagai Ejen Penghantaran, syarat penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan untuk Ejen Penghantaran adalah tidak terkecuali dan hendaklah dipatuhi oleh syarikat.

3.4. Syarat-syarat Am

3.4.1. Selaras dengan peruntukan Seksyen 90(1)(aa) Akta Kastam 1967, syarikat yang bertindak sebagai Ejen Kastam hendaklah berdaftar sebagai orang kena cukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

3.4.2. Ejen Kastam hanya boleh bertindak bagi pihak pelanggan yang telah memberi kuasa secara bertulis untuk mewakili mereka.

3.4.3. Ejen Kastam hendaklah memiliki premis perniagaan yang mempamerkan papan tanda perniagaan dan mempunyai kemudahan peralatan pejabat yang lengkap serta sistem perisian *Front End Software* bagi tujuan berurusan dengan kastam.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

3.4.4. Setiap Ejen Kastam adalah dikehendaki untuk mengemukakan cagaran bernilai RM10,000.00 dalam bentuk Bon Am mengikut format Borang Kastam No. 6.

3.4.5. Ejen Kastam hendaklah tidak mempunyai sebarang cukai / duti / *hanging form* yang tertunggak dengan Jabatan.

3.4.6. Ejen Kastam hendaklah sentiasa mengamalkan *due diligence* dan patuh kepada Kod Etika Ejen Kastam yang boleh diakses di pautan berikut : https://www.customs.gov.my/images/03 import/import/due_diligence_dan_kod_etika_ejen_kastam_2304 2025.pdf

3.4.7. Syarikat Ejen Kastam, ahli lembaga pengarah / pemilik syarikat, pemegang saham syarikat dan kakitangannya tidak boleh terlibat secara langsung atau secara tidak langsung di dalam kegiatan *fraud*, penyelewengan, penyeludupan, atau mana-mana salah laku yang bertentangan dengan undang-undang dan Kod Etika Ejen Kastam.

3.4.8. Kelulusan sebagai Ejen Kastam adalah **tidak boleh** disewa, dijual atau diserahkan kepada mana-mana pihak luar. Tindakan pembatalan lesen ejen boleh dikenakan jika didapati bersalah.

4. BAGAIMANA HENDAK MEMOHON KELULUSAN BAHARU?

4.1. Permohonan secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Kastam Negeri dengan menggunakan borang yang boleh didapati daripada setiap Unit Kawalan Ejen negeri.

4.2. Salinan dokumen-dokumen yang telah diakui sah hendaklah disertakan seperti berikut:

i. Surat iringan rasmi syarikat dengan *company letterhead*;

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

ii. Sijil Pendaftaran Perniagaan / Perlembagaan Syarikat (dahulunya dikenali sebagai Memorandum dan Artikel Persatuan);

iii. Maklumat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) syarikat yang terkini;

iv. Sijil Pendaftaran (R.22 Pindaan 1/86) (bagi negeri Sarawak sahaja);

v. Pengesahan Pendaftaran Nama Perniagaan (*Extract of Registration of Business Name)* (bagi negeri Sarawak sahaja);

vi. Borang 1-I.R.D No. 7 yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (bagi Negeri Sarawak sahaja);

vii. Lesen Perniagaan (Ordinan Perlesenan Perniagaan 1948) (bagi Wilayah Persekutuan Labuan sahaja);

viii. Lesen Berniaga (*Trading License*) (bagi Negeri Sabah sahaja);

ix. Sijil Kursus Ejen Kastam (KEK) / Kursus Ejen Perkapalan (KEP) / Kursus *Refresher* (RS);

x. Senarai atau struktur organisasi syarikat yang lengkap;

xi. Senarai maklumat kakitangan yang akan berurusan dengan Jabatan (Nama, Jawatan, No. Kad Pengenalan, Alamat dan Contoh Tandatangan);

xii. Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);

xiii. Penyata bank syarikat bagi tiga bulan terkini (bagi syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 / PBT negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja);

xiv. Surat kelulusan pendaftaran di bawah Seksyen 13 Akta Cukai Perkhidmatan 2018;

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

xv. Surat kelulusan status IILS daripada MIDA (sekiranya ada);

xvi. Surat pemilikan premis syarikat atau surat perjanjian penyewaan premis syarikat; dan

xvii. Bil elektrik, bil internet dan bil air premis syarikat.

xviii. Borang P / Borang B LHDN dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) daripada LHDN

4.3. Cagaran bernilai RM 10,000.00 dalam bentuk Bon Am mengikut format Borang Kastam No. 6 hendaklah didaftarkan di Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal.

4.4. Permohonan baharu Ejen Kastam hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli lembaga pengarah / pemilik atau seorang kakitangan pengurusan syarikat yang telah diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak ahli lembaga pengarah / pemilik syarikat tersebut.

5. BAGAIMANA HENDAK MEMOHON KELULUSAN PEMBAHARUAN?

5.1. Setiap kelulusan Ejen Kastam adalah bertempoh dan perlu diperbaharui sebelum tarikh tamat kelulusan.

5.2. Kelulusan yang tidak diperbaharui akan menyebabkan semua transaksi kastam terhalang.

5.3. Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengarah Kastam Negeri dengan menggunakan borang yang boleh didapati daripada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal.

5.4. Permohonan pembaharuan juga hendaklah dikemukakan tidak lewat dari tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh tamat kelulusan.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

5.5. Salinan dokumen-dokumen sokongan yang lengkap seperti mana yang ditetapkan bagi permohonan baharu hendaklah disertakan bersama permohonan pembaharuan.

5.6. Permohonan pembaharuan hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli lembaga pengarah / pemilik atau seorang kakitangan pengurusan syarikat yang telah diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak ahli lembaga pengarah / pemilik syarikat tersebut.

5.7. Sebarang tunggakan cukai / duti / *hanging form* hendaklah dijelaskan bagi menjamin kelulusan permohonan pembaharuan.

5.8. Permohonan pembaharuan yang dikemukakan kurang dari tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh tamat kelulusan boleh dikenakan tindakan kompaun.

5.9. Mana-mana syarikat yang didapati telah gagal mengemukakan permohonan pembaharuan selepas tarikh tamat kelulusan boleh dikenakan tindakan pembatalan kelulusan.

6. TEMPOH KELULUSAN

6.1. Tempoh kelulusan bagi permohonan baharu adalah selama satu (1) tahun.

6.2. Tempoh kelulusan bagi permohonan pembaharuan adalah selama tiga (3) tahun, dengan syarat kesemua syarat-syarat kelulusan sebagai Ejen Kastam telah dipatuhi sepenuhnya.

6.3. Tempoh kelulusan pembaharuan adalah tertakluk kepada pematuhan syarikat terhadap syarat dan peraturan yang ditetapkan. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan atau kegagalan memenuhi syarat pembaharuan, tempoh kelulusan boleh dipendekkan kepada tempoh tidak melebihi satu (1) tahun. Kegagalan untuk mematuhi syarat dan ketidakpatuhan boleh menyebabkan kelulusan syarikat digantung atau dibatalkan.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

7. BAGAIMANA JIKA TERDAPAT PERUBAHAN MAKLUMAT SYARIKAT?

7.1. Ejen Kastam hendaklah memaklumkan sebarang perubahan maklumat kepada Pengarah Kastam Negeri bagi tujuan kelulusan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perubahan berlaku:

7.2. Perubahan maklumat syarikat adalah seperti:

(a) pertukaran alamat premis syarikat;

(b) pertukaran induk negeri;

(c) perubahan ahli Lembaga Pengarah/ Pemilik Syarikat;

(d) perubahan pemegang saham syarikat;

(e) pertukaran nama;

(f) pertukaran ekuiti;

(g) pertukaran status; dan

(h) pertukaran hak milik

7.3. Senarai dokumen yang diperlukan bagi sebarang permohonan perubahan maklumat syarikat adalah seperti berikut:

i. Surat permohonan rasmi syarikat dengan company letterhead yang ditandatangani oleh salah seorang ahli lembaga pengarah / pemilik atau seorang kakitangan syarikat yang telah diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak ahli lembaga pengarah / pemilik syarikat tersebut;

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia |

ii. Maklumat SSM atau maklumat syarikat yang didaftarkan di bawah PBT negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan **sebelum** perubahan;

iii. Maklumat SSM atau maklumat syarikat yang didaftarkan di bawah PBT negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan **selepas** perubahan;

iv. Salinan penyata bank syarikat bagi tiga bulan yang terkini (bagi syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 / PBT negeri Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan sahaja);

v. Senarai atau struktur organisasi syarikat yang lengkap;

vi. Salinan sijil kursus bagi pemegang-pemegang sijil syarikat;

vii. Salinan surat kelulusan pendaftaran di bawah Seksyen 13 Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan

viii. Salinan surat kelulusan status IILS daripada MIDA (sekiranya ada).

7.4. Ejen Kastam yang didapati telah gagal memaklumkan perubahan maklumat syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perubahan berlaku boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

i. Tawaran kompaun;

ii. Tindakan penggantungan sementara operasi sehingga kelulusan perubahan maklumat diperolehi; atau

iii. Tindakan pembatalan, sekiranya perubahan maklumat terkini didapati tidak memenuhi syarat-syarat kelulusan sebagai Ejen Kastam.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

8. BAGAIMANA EJEN KASTAM BOLEH DILANTIK DARI PENGIMPORT / PENGEKSPORT / PENGILANG?

8.1. Di bawah peruntukan Seksyen 90(1)(b) Akta Kastam 1967, Ejen Kastam tidak boleh bertindak bagi pihak pelanggan yang diwakilinya tanpa diberi kuasa secara bertulis oleh pelanggan tersebut.

8.2. Permohonan pelantikan Ejen Kastam oleh pengimport, pengeksport atau pengilang hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengarah Kastam Negeri di Unit Kawalan Ejen negeri di mana dagangan hendak dilepaskan.

8.3. Salinan maklumat SSM atau maklumat syarikat yang terkini yang didaftarkan di bawah PBT negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi pengimport, pengeksport atau pengilang yang ingin melantik Ejen Kastam berkenaan hendaklah disertakan semasa membuat permohonan pelantikan.

8.4. Pengimport, pengeksport atau pengilang hanya dibenarkan untuk melantik sebanyak lima (5) Ejen Penghantaran atau Ejen Perkapalan sahaja bagi setiap satu negeri.

8.5. Sekiranya memerlukan lebih daripada lima (5), permohonan penambahan pelantikan Ejen Kastam boleh dikemukakan kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang berkenaan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan.

8.6. Pihak pelanggan tidak mempunyai sebarang had bilangan untuk melantik Ejen Pengangkut Barang bagi setiap satu negeri.

8.7. Pelantikan dan pembatalan Ejen Kastam hanya boleh dilakukan di atas arahan bertulis oleh ahli lembaga pengarah / pemilik atau kakitangan pengurusan pelanggan berkenaan yang diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak ahli lembaga pengarah / pemilik pelanggan tersebut.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

9. PELANTIKAN SUB-EJEN

9.1. Ejen Kastam yang telah mendapat kelulusan boleh melantik Sub-Ejen Kastam untuk menjalankan urusan berkaitan pelepasan dagangan bagi pihak Ejen Kastam tersebut.

9.2. Pelantikan Sub-Ejen boleh dipertimbangkan apabila Ejen Kastam asal tidak mempunyai cawangan atau wakil / ejen di sesuatu pintu pelepasan yang diperlukan bagi menjalankan urusan pelepasan dagangan.

9.3. Sub-Ejen bertindak bagi tujuan melaksanakan urusan **pelepasan dagangan sahaja** bagi pihak Ejen Kastam asal dan tidak mengambil alih status, kelulusan atau tanggungjawab Ejen Kastam asal. Pelantikan Sub-Ejen juga tidak bermaksud bahawa Sub-Ejen mempunyai kuasa untuk menjalankan urusan di luar skop yang dibenarkan oleh Ejen Kastam asal dan JKDM.

9.4. Ejen Kastam asal hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap urusan yang dikendalikan melalui Sub-Ejen. Sekiranya terdapat kompaun, pertanyaan, ketidakpatuhan atau apa-apa isu berkaitan dengan pengikraran dan pelepasan dagangan, perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada dan menjadi tanggungjawab Ejen Kastam asal untuk mengambil tindakan sewajarnya dengan JKDM.

9.5. Pelantikan Sub-Ejen hendaklah diurus dan dikemukakan kepada JKDM di peringkat Negeri di mana ejen berdaftar untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya, tertakluk kepada prosedur dan keperluan yang sedang berkuat kuasa.

(a) Contoh: Syarikat ABC Services Sdn. Bhd**.** merupakan Ejen Kastam yang diluluskan oleh JKDM tetapi tidak mempunyai cawangan atau wakil di pintu masuk X. Bagi membolehkan urusan pelepasan dagangan pelanggannya dilaksanakan di Pelabuhan X, ABC Services Sdn. Bhd.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

boleh melantik XYZ Logistics Sdn. Bhd. sebagai Sub-Ejen, tertakluk kepada syarat dan ketetapan JKDM.

(b) Dalam keadaan ini, XYZ Logistics Sdn. Bhd. bertindak semata-mata untuk menjalankan **urusan pelepasan dagangan** bagi pihak ABC Services Sdn. Bhd. Sekiranya terdapat kompaun, pertanyaan atau isu ketidakpatuhan berkaitan dengan urusan tersebut, **ABC Services Sdn. Bhd. sebagai Ejen Kastam asal kekal bertanggungjawab untuk memberikan penjelasan dan mengambil tindakan susulan dengan JKDM**.

9.6. Syarat pelantikan Sub-Ejen adalah seperti berikut:

i. Aktiviti yang dibenarkan adalah untuk pelepasan dagangan dari kawalan kastam sahaja.

ii. Sub-Ejen mestilah sebuah syarikat Ejen Kastam yang berlesen sah di bawah Akta Kastam 1967.

iii. Urusan pelepasan berlaku di luar kawasan operasi Ejen Kastam asal.

iv. Ejen Kastam asal mesti mengemukakan surat pelantikan rasmi (kontrak lantikan) dan menyerahkan satu salinan kepada Jabatan.

10. PENAMBAHAN / PEMBATALAN KAKITANGAN SYARIKAT YANG BERURUSAN DENGAN JABATAN

10.1. Ejen Kastam boleh memohon untuk menambah kakitangan syarikat yang akan berurusan dengan Jabatan kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal.

10.2. Dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

i. Surat iringan rasmi syarikat dengan *company letterhead*;

ii. Surat pemberian kuasa secara rasmi kepada kakitangan syarikat yang telah dilantik untuk berurusan dengan Jabatan;

iii. Surat pengesahan pelantikan jawatan kakitangan tersebut di dalam syarikat;

iv. Senarai maklumat kakitangan baharu yang akan berurusan dengan Jabatan (Nama, Jawatan, No. Kad Pengenalan, Alamat dan Contoh Tandatangan);

v. Salinan Kad Pengenalan kakitangan syarikat;

vi. Salinan Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan

vii. Salinan Sijil KEK / KEP / RS (sekiranya kakitangan adalah merupakan pemegang sijil).

10.3. Kakitangan syarikat yang diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan hendaklah merupakan:

i. Kakitangan yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh ahli lembaga pengarah / pemilik / pengurus syarikat untuk berurusan dengan pihak Jabatan;

ii. Telah didaftarkan di dalam sistem Jabatan; dan

iii. Diberikan Pas Pengenalan Ejen Kastam.

10.4. Sebarang penamatan perkhidmatan kakitangan syarikat yang berurusan dengan Jabatan hendaklah dimaklumkan kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tamat

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

perkhidmatan kakitangan tersebut dengan menyertakan dokumen- dokumen sokongan seperti berikut:

i. Surat iringan rasmi syarikat dengan *company letterhead*;

ii. Senarai maklumat kakitangan yang hendak dibatalkan (Nama, Jawatan, No. Kad Pengenalan, Alamat dan Contoh Tandatangan); dan

iii. Pas Pengenalan Ejen Kastam bagi kakitangan yang hendak dibatalkan.

10.5. Sebarang tindakan pembatalan kakitangan syarikat juga hendaklah dimaklumkan kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal terlebih dahulu mengikut tatacara yang sama seperti di atas.

11. PAS PENGENALAN EJEN KASTAM DAN *DIRECT USER*

11.1. Setiap kakitangan syarikat Ejen Kastam dan *Direct User* yang telah diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan akan diberikan Pas Pengenalan Ejen Kastam dan *Direct User*. Pas ini hendaklah dipakai pada setiap masa ketika berurusan.

11.2. Mana-mana Ejen Kastam dan *Direct User* yang tidak memakai Pas Pengenalan Ejen Kastam dan *Direct User* adalah tidak dibenarkan untuk berada di dalam kawasan kastam mahupun berurusan dengan Jabatan.

11.3. Pas Pengenalan Ejen Kastam dan *Direct User* akan dikeluarkan oleh Unit Kawalan Ejen negeri di mana kakitangan syarikat tersebut hendak berurusan, dengan syarat kelulusan kakitangan tersebut untuk berurusan dengan Jabatan telah diluluskan oleh Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal terlebih dahulu.

11.4. Tempoh sahlaku Pas Pengenalan Ejen Kastam dan *Direct User* hendaklah

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

berada dalam tempoh masa yang sama dengan tempoh kelulusan sebagai Ejen Kastam dan *Direct User*. Pas Pengenalan Ejen Kastam dan *Direct User* hendaklah diperbaharui bersama permohonan pembaharuan.

11.5. Pas Pengenalan Ejen Kastam dan *Direct User* adalah tidak sah sekiranya pemegang pas tidak lagi berkhidmat dengan syarikat Ejen Kastam dan *Direct User* yang diwakilinya. Pas hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang telah bertanggungjawab dalam pengeluaran pas tersebut.

11.6. Kehilangan Pas Pengenalan Ejen Kastam dan *Direct User* hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada Jabatan dengan segera disertai dengan salinan laporan polis yang sah. Pas yang hilang boleh dikenakan tindakan kompaun.

11.7. Kakitangan syarikat Ejen Kastam dan *Direct User* adalah dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran sementara daripada Unit Kawalan Ejen negeri yang bertanggungjawab dalam menggantikan pas yang telah hilang. Sementara menunggu pengeluaran pas yang baru, surat tersebut hendaklah sentiasa dibawa bersama semasa berurusan dengan Jabatan.

12. PEMBATALAN / PENAMATAN KELULUSAN

12.1. Ejen Kastam boleh memohon untuk membatalkan kelulusan yang telah diberikan dengan memaklumkan secara bertulis kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal.

12.2. Ejen Kastam yang tidak mengemukakan permohonan pembaharuan selepas tarikh tamat kelulusan akan dianggap tidak lagi berminat untuk meneruskan operasi perniagaan sebagai Ejen Kastam dan kelulusan boleh dibatalkan oleh Jabatan tanpa sebarang notis makluman.

12.3. Sekiranya berlaku perlanggaran syarat kelulusan atau syarikat didapati terlibat dalam aktiviti *fraud* kastam, penyeludupan dan penyelewangan,

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia |

kelulusan sebagai Ejen Kastam boleh dibatalkan.

13. TINDAKAN KE ATAS SALAH LAKU EJEN KASTAM DAN *DIRECT USER*

13.1. Tindakan-tindakan berikut boleh dikenakan ke atas Ejen Kastam sekiranya didapati gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan, perundangan dan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan ataupun terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam kegiatan *fraud*, penyelewengan, penyeludupan atau salah laku *due diligence* dan Kod Etika Ejen Kastam:

- Pemberian amaran;
- Penawaran kompaun;
- Pembatalan Pas Pengenalan Ejen Kastam;
- Penyingkatan tempoh kelulusan;
- Penggantungan sementara kelulusan;
- Pembatalan kelulusan;
- Syarikat Ejen Kastam / kakitangan disenarai hitamkan; dan
- Tindakan pendakwaan di mahkamah.

13.2 Penggantungan Atau Pembatalan Kelulusan Ejen Kastam dan *Direct User*:

i. Sebarang kesalahan atau ketidakpatuhan yang dikenal pasti oleh Jabatan hendaklah diberikan penjelasan secara bertulis oleh Ejen Kastam dan *Direct User* dalam tempoh 14 hari untuk pertimbangan Jabatan sebelum tindakan selanjutnya diambil.

ii. Sekiranya tiada maklum balas diterima selepas tempoh 14 hari surat tunjuk sebab dikeluarkan, rayuan tidak akan dilayan dan tindakan akan diambil mengikut perundangan sedia ada.

iii. Ejen kastam dan *Direct User* yang tidak bersetuju dengan sesuatu tindakan penggantungan dan pembatalan kelulusan yang telah diambil terhadapnya boleh mengemukakan rayuan kepada Unit Semakan Semula (USS), Ibu Pejabat melalui platform USS.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

iv. Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan oleh Ejen Kastam dan *Direct User* yang berkenaan melalui USS dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan dimaklumkan.

14. KETEKUNAN SEWAJARNYA (*DUE DILIGENCE*) DAN ETIKA EJEN KASTAM

14.1. Ejen Kastam perlu memahami kesemua keperluan *due diligence* serta patuh kepada Kod Etika Ejen Kastam.

14.2. Ejen Kastam adalah tertakluk kepada hukuman dan penalti bagi kesalahan ketidakpatuhan kepada Kod Etika Ejen Kastam yang disabitkan di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

14.3. *Direct User* juga perlu memahami semua keperluan *Due Diligence* dan patuh kepada Kod Etika Ejen Kastam untuk sebarang urusan pelepasan dagangan barangan milik syarikat itu sendiri.

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai panduan ini, sila hubungi:

Bahagian Perkastaman
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 4 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2
62596, Putrajaya.

Tel: 03 – 8882 2665

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

RINGKASAN PINDAAN:

Versi kedua: 25 April 2025

1. Pindaan kepada Para 3.5 – Syarat-syarat Am, bullet ke-6 dipinda dengan menambah ayat seperti berikut:

   "yang boleh diakses di pautan berikut: https://www.customs.gov.my/ms/cp/Pages/cp_iimp.aspx"

2. Pindaan kepada Para 13 – Ketekunan Sewajarnya (Due Diligence) dipinda dengan menambah para yang baru selepas bullet pertama seperti berikut:

   "Ejen Kastam adalah tertakluk kepada hukuman dan penalti bagi kesalahan ketidakpatuhan kepada Kod Etika Ejen Kastam yang disabitkan di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009."

Versi ketiga: 10 November 2026

1. Pindaan kepada Tajuk Dokumen, Kandungan, Para 1, Para 2, Para 3, Para 11, Para 13, dan Para 14 dipinda dengan menambah terma dan liputan khusus seperti berikut:
   "*Direct User* dan Ejen Kastam"

2. Pindaan kepada Para 1 – Siapa Itu Ejen Kastam? dipinda dengan menambah takrifan baharu seperti berikut:
   "*Direct User* merupakan kelulusan khusus di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 yang diberikan kepada pihak pengimport atau pengeksport untuk menguruskan transaksi kastam secara kendiri bagi pelepasan dagangan kepunyaan syarikat sendiri menggunakan kakitangan dalaman tanpa perlu melantik kidmat ejen penghantaran luar."

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

3. Pindaan kepada Para 2 – Siapa Yang Boleh Memohon? dipinda dengan menambah para baharu seperti berikut:
   "Bagi kelulusan *Direct User*, permohonan terbuka kepada pihak pengimport atau pengeksport yang mahu menguruskan pelepasan barang milik syarikat sendiri."

4. Pindaan kepada Para 2 – Siapa Yang Boleh Memohon?, bawah sub-para Permohonan Baharu sebagai Ejen Perkapalan, Ejen Pengangkut Barang atau *Direct User* dipinda dengan menambah ayat seperti berikut:
   "Sekiranya syarikat mempunyai kelulusan Ejen Perkapalan (kod S), syarikat tidak perlu mendaftar sebagai Ejen Pengangkut Barang (kod Z)."

5. Pindaan kepada Para 3.2 – Menghadiri Kursus dan Lulus Peperiksaan Yang Ditetapkan Oleh Jabatan, para ke-3 dan ke-4 dipinda dengan menggantikan nama penganjur seperti berikut:
   "Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)" (sebelum ini Universiti Utara Malaysia (UUM))

6. Pindaan kepada Para 3.4 – Syarat Penyertaan Bumiputera, sub-para 3.4.1.1 (i)(a) Ejen Penghantaran (bukan berstatus IILS) sebelum tahun 1976 dipinda seperti berikut:
   "Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 40%."

7. Pindaan kepada Para 3.4 – Syarat Penyertaan Bumiputera, sub-para 3.4.1.1 (i)(b) Ejen Penghantaran (bukan berstatus IILS) sebelum tahun 1976 dipinda seperti berikut:
   "Syarikat diberikan tempoh sehingga 31 Disember 2027 untuk memenuhi syarat Penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan. Sekiranya gagal, kelulusan sebagai Ejen Penghantaran tidak akan diperbaharui."

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

8. Pindaan kepada Para 3.4 – Syarat Penyertaan Bumiputera, sub-para 3.4.1.1 (iii)(a) Ejen Penghantaran (bukan berstatus IILS) selepas tahun 1990 dipinda seperti berikut:
   “Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 40%.”

9. Pindaan kepada Para 3.4 – Syarat Penyertaan Bumiputera, sub-para 3.4.1.2 (i) Ejen Penghantaran (berstatus IILS) dipinda seperti berikut:
   “Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 40%.”

10. Pindaan kepada Para 3.4 – Syarat Penyertaan Bumiputera, sub-para 3.4.1.2 (ii) Ejen Penghantaran (berstatus IILS) dipinda seperti berikut:
    “Syarikat diberikan tempoh sehingga 31 Disember 2027 untuk memenuhi syarat Penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan. Sekiranya gagal, kelulusan sebagai Ejen Penghantaran tidak akan diperbaharui.”

11. Pindaan kepada Para 3.4 – Syarat Penyertaan Bumiputera, sub-para 3.4.1.4 (i) pengecualian dipinda seperti berikut:
    “Syarikat dimana ahli lembaga pengarah dan pemegang saham adalah terdiri daripada pemilikan asing yang telah mendapat kelulusan status IILS daripada MIDA; atau”

12. Pindaan kepada Para 3.4 – Syarat Penyertaan Bumiputera dipinda dengan menambah para baharu sub-para 3.4.1.4 (iii)di bawah pengecualian seperti berikut:
    “Ejen yang berdaftar sebagai *Direct User*.”

13. Pindaan kepada Para 8 – Bagaimana Ejen Kastam Boleh Dilantik?,sub-para 8.4 dipinda seperti berikut:
    “Pengimport, pengeksport atau pengilang hanya dibenarkan untuk melantik sebanyak lima (5) Ejen Penghantaran atau Ejen Perkapalan sahaja bagi setiap satu negeri.”

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

14. Pindaan kepada Para 8 – Bagaimana Ejen Kastam Boleh Dilantik?, sub-para 8.5 dipinda seperti berikut:

    “Sekiranya memerlukan lebih daripada lima (5), permohonan penambahan pelantikan Ejen Kastam boleh dikemukakan kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang berkenaan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan.”

15. Penambahan Para 9 yang baharu bagi Pelantikan Sub-Ejen seperti berikut:

    “PELANTIKAN SUB-EJEN

    Ejen Kastam asal dibenarkan melantik Sub-Ejen bagi urusan pelepasan dagangan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

    Syarat pelantikan Sub-Ejen adalah seperti berikut:

    i. Aktiviti yang dibenarkan adalah untuk pelepasan dagangan dari kawalan kastam sahaja.
    ii. Sub-Ejen mestilah sebuah syarikat Ejen Kastam yang berlesen sah di bawah Akta Kastam 1967.
    iii. Urusan pelepasan berlaku di luar kawasan operasi Ejen Kastam asal.
    iv. Ejen Kastam asal mesti mengemukakan surat pelantikan rasmi (kontrak lantikan) dan menyerahkan satu salinan kepada Jabatan.”

16. Pindaan kepada Para 14 – Ketekunan Sewajarnya (*Due Diligence*) dan Etika dipinda dengan menambah para baharu di bahagian akhir seperti berikut:

    “*Direct User* juga perlu memahami semua keperluan *Due Diligence* dan patuh kepada Kod Etika Ejen Kastam untuk sebarang urusan pelepasan dagangan barangan milik syarikat itu sendiri.”

Hakcipta Terpelihara © 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia |